



NEWSLETTER

PENGENALAN

Negeri Pahang Darul Makmur merupakan negeri yang terbesar di Semenanjung Tanah Melayu bersempadan dengan Negeri Kelantan di sebelah utara, Negeri Perak, Selangor serta Negeri Sembilan di barat, Negeri Johor di selatan dan Negeri Terengganu serta Laut China selatan di bahagian timur.



Negeri Pahang Darul Makmur mempunyai berbagai nama seperti Pang-Hang, Peng-Heng, Pang-Heng, Pong-Fong, Phe-Hang, Pang-Kang dan lain-lain. Pada tahun 1225, Chao Ju-Kua telah mengarang sebuah buku bernama Chu-Fan-Chi, yang menyatakan di antara beberapa buah negeri yang ditakluki di bawah kuasa San-fo-chi ialah negeri yang bernama Peng-keng. Peng-keng itu ialah antara nama asal Negeri Pahang Darul Makmur.

Negeri Pahang merangkumi kawasan seluas 35,965 kilometer persegi (km²) terbahagi kepada 11 buah daerah pentadbiran iaitu Pekan, Kuantan, Rompin, Maran, Bera, Jerantut, Temerloh, Raub, Bentong, Lipis dan Cameron Highlands.



Pahang merupakan negeri yang terbesar dengan gunung tertinggi dan sungai terpanjang di bahagian Semenanjung Malaysia dan merupakan negeri yang tertua selepas Patani (sekarang dalam wilayah Thailand). Di zaman silamnya, kerajaannya meliputi hujung tanah hingga ke Singapura.

Walaupun kerajaan di negeri Pahang telah lama wujud, namun corak pemerintahan Kesultanan Melayu Islam di negeri Pahang wujud selepas terbentuknya Kerajaan Islam di Melaka pada 1470M. Keturunan raja Melaka memerintah lebih dari 200 tahun dan kemudiannya pemerintah Pahang berpindah kepada keturunan Bendahara Tuan Habib Abdul Majid, Bendahara Padang Saujana Johor. Dari titisan keluarga dan zuriat ini juga telah menjadikan Negeri Pahang Darul Makmur terputus dari takluk Riau dan telah menubuhkan satu pemerintahan merdeka, berkuasa penuh dan menjalinkan persahabatan dengan Sultan hingga kini.



Pihak Inggeris telah meluaskan kuasanya ke Negeri Pahang Darul Makmur apabila residen pertama iaitu J.P.Rodger telah dilantik dalam bulan Oktober 1888.. Tiga tahun kemudian iaitu dalam tahun 1891 pusat pentadbiran ini dipindahkan dari Pekan ke Lipis dan akhirnya berpindah ke Kuantan secara rasmi pada 27 Ogos 1955. Pada 28 Februari 1970, bangunan pentadbiran pusat berpindah ke Wisma Sri Pahang.



PENDUDUK

Penduduk Pahang bertambah daripada 1.66 juta pada tahun 2018 kepada **1.67 juta pada tahun 2019** dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan 0.4 peratus dengan kepadatan penduduk seramai 43 orang bagi setiap km².

Komposisi penduduk warganegara pada tahun 2019 adalah 94.1 peratus daripada keseluruhan penduduk Pahang.

Bilangan dan kadar pertumbuhan penduduk tahunan, Pahang, 2015-2019


| Penduduk | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
|--|------|------|------|------|------|
| Bilangan penduduk (juta) | 1.61 | 1.63 | 1.65 | 1.66 | 1.67 |
| Kadar pertumbuhan penduduk tahunan (%) | 1.0 | 1.2 | 1.2 | 1.1 | 0.4 |

Kuantan merupakan daerah yang mencatat jumlah penduduk tertinggi iaitu sebanyak 0.5 juta manakala **Cameron Highlands** mencatat jumlah penduduk terendah sebanyak 43.7 ribu.

Penduduk mengikut daerah pentadbiran, Pahang, 2018-2019



Penduduk mengikut jantina dan daerah pentadbiran, Pahang, 2018-2019 ('000)



37.2

Nisbah tanggungan umur muda, 2019

Nisbah Jantina

113 Lelaki : 100 Perempuan

10.7

Nisbah tanggungan umur tua, 2019

Nisbah jantina penduduk Pahang kekal bagi tempoh 2015 hingga 2018 iaitu **114 lelaki bagi setiap 100 perempuan**. Nisbah jantina pada tahun 2019 adalah 113 lelaki bagi setiap 100 perempuan.

Nisbah tanggungan umur tua menunjukkan trend meningkat daripada 10.3 pada 2018 kepada **10.7 pada tahun 2019**. Nisbah tanggungan umur muda menurun kepada **37.2 pada tahun 2019** berbanding 37.7 pada tahun 2018

Nota :

Data di peringkat daerah pentadbiran merujuk kepada unjuran penduduk (semakan semula) berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan 2010.

4


Pada tahun 2019, **80.5 peratus penduduk warganegara di negeri Pahang ialah Bumiputera**, diikuti Cina sebanyak 14.8 peratus manakala peratusan penduduk India dan etnik lain masing-masing kekal pada 4.3 peratus dan 0.4 peratus.

Penduduk mengikut kumpulan etnik warganegara, Pahang, 2015-2019

| Kumpulan etnik warganegara Pahang (%) | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 | 2019 |
|---------------------------------------|------|------|------|------|------|
| Bumiputera | 79.9 | 80.1 | 80.3 | 80.4 | 80.5 |
| Cina | 15.4 | 15.3 | 15.1 | 14.9 | 14.8 |
| India | 4.3 | 4.2 | 4.2 | 4.3 | 4.3 |
| Etnik lain | 0.4 | 0.4 | 0.4 | 0.4 | 0.4 |

KADAR KELAHIRAN

Carta 3.4 Bilangan kelahiran hidup dan kadar kelahiran kasar mengikut daerah pentadbiran, Pahang, 2018 (bagi setiap 1,000 penduduk)




Pada tahun 2018, **daerah Kuantan mencatatkan bilangan kelahiran hidup tertinggi** iaitu sebanyak 8,947 bayi manakala yang terendah dicatatkan oleh Cameron Highland iaitu 516 bayi. Kadar kelahiran kasar tertinggi pula dicatatkan oleh Pekan dengan 20.1 manakala yang terendah dicatatkan oleh Bentong iaitu 11.1 bagi setiap 1,000 penduduk.

KADAR KEMATIAN

Carta 3.6 Bilangan kematian dan kadar kematian kasar, Pahang, 2010-2018




Sejumlah **9,246** kematian direkodkan di Pahang pada tahun **2018**, menurun 0.2 peratus berbanding kematian pada tahun 2017. Kadar kematian kasar di negeri ini kekal pada 5.6 kematian bagi setiap 1,000 penduduk.



JANGKA HAYAT

Jangkaan hayat ketika lahir bagi seorang bayi lelaki dan bayi perempuan di Pahang pada tahun 2019 masing-masing adalah **71.5 tahun dan 76.5 tahun**.

Bagi tempoh 2015 sehingga 2019, jangkaan hayat bagi bayi lelaki dan perempuan masing-masing menunjukkan peningkatan sebanyak 0.8 tahun dan 0.2 tahun.



KESUBURAN

Kadar kesuburan jumlah, Pahang, 2010-2018



Pada tahun 2018, **kadar kesuburan** jumlah bagi Pahang mencatatkan penurunan kepada **2.1 bayi** bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun berbanding 2.2 pada 2017.

Jadual 3.6 Kadar kesuburan jumlah mengikut kumpulan etnik, Pahang, 2015-2018 (setiap wanita berumur 15-49 tahun)

| Kumpulan etnik | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 |
|-------------------------|------|------|------|------|
| Bumiputera | 2.7 | 2.6 | 2.6 | 2.5 |
| Cina | 1.4 | 1.3 | 1.2 | 1.0 |
| India | 1.3 | 1.2 | 1.1 | 1.0 |
| Etnik lain ¹ | 1.4 | 1.2 | 1.2 | 1.0 |


¹Termasuk bukan warganegara

Pada tahun 2018, **Bumiputera** mencatatkan **kadar kesuburan jumlah tertinggi iaitu 2.5 bayi** bagi setiap wanita berumur 15-49 tahun, manakala Cina, India dan etnik lain mencatatkan kadar yang sama iaitu 1.0.

TENAGA BURUH

Tenaga buruh di Pahang meningkat dengan **purata pertumbuhan tahunan 2.2 peratus** antara tahun 2010 hingga 2019. 741.0 ribu orang tenaga buruh direkodkan pada tahun 2019 berbanding 735.6 ribu orang pada tahun 2018. Dalam tempoh yang sama, bilangan penduduk bekerja turut meningkat kepada 719.5 ribu orang pada tahun 2019 daripada 716.6 ribu orang pada tahun 2018.

Tenaga buruh dan penduduk bekerja, Pahang, 2010-2019



741.0
ribu

Tenaga buruh di Pahang, 2019

2.2%

Purata pertumbuhan tahunan, 2010-2019

719.5
ribu


Bilangan penduduk bekerja, 2019

24.5%

Pekerja perkhidmatan dan jualan catat peratusan tertinggi, 2019

Sementara itu, **kadar pengangguran di Pahang meningkat kepada 2.9 peratus** pada tahun 2019 berbanding 2.6 peratus pada tahun sebelumnya.

KPTB dan kadar pengangguran, Pahang, 2010-2018




PENDAPATAN & PERBELANJAAN

Cameron Highlands mencatatkan pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah tertinggi iaitu RM5,729 pada tahun 2019 diikuti Kuantan RM5,654

Pendapatan penengah isi rumah dan purata pertumbuhan tahunan mengikut daerah pentadbiran, Pahang, 2016 dan 2019



Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut daerah pentadbiran, Pahang, 2019



3.2%

Purata pertumbuhan tahunan perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata antara 2016-2019



66.1%

Perbelanjaan utama 2019: Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain, makanan & minuman bukan alkohol, pengangkutan dan restoran & hotel

Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata mengikut daerah pentadbiran pula merekodkan perbelanjaan tertinggi di daerah Kuantan dan terendah di daerah Jerantut.

KEMUDAHAN



SEKOLAH



HOSPITAL




BALAI POLIS



BALAI BOMBA



TEMPAT KEDIAMAN



Nota:
 Sekolah, 2018
 Hospital, 2017
 Balai Polis (Termasuk Ibu Pejabat Daerah), 2019
 Balai Bomba, 2019
 Tempat Kediaman, 2019

